



8H6M UZBEKISTAN

URGENCH - KHIVA - BUKHARA -
GIJDUVAN - SAMARKAND - TASHKENT



**ICHAN-QALA BERUSIA LEBIH 2,000 TAHUN DAN
SEJAK TAHUN 1998 TELAH DIKTIRAF SEBAGAI
TAPAK WARISAN DUNIA.**

8H6M

UZBEKISTAN

Tashkent - Urgench - Khiva - Bukhara - Gijduvan - Samarkand - Chimgan Mountain



HARI 01 KUALA LUMPUR - TASHKENT - URGENCH - KHIVA MM

Berkumpul di KLIA 1 untuk menaiki penerbangan terus ke Tashkent. Menaiki penerbangan domestik dari **Tashkent** ke **Urgench**. Bermalam di **Khiva**.

HARI 02 KHIVA SP/MT/MM

Lawatan di **Khiva**:

- **Ichan-Qala**: Bermaksud 'kota dalam kota' yang dilindungi oleh dinding bata setinggi 10 meter di tengah kota Khiva. Di masa lalu, Ichan-Qala menjadi tempat istirahat sementara para pedagang sebelum melintasi gurun menuju ke Iran.
- **Kunya-Ark Fortress**: Kubu lama dan kediaman pemerintah Khiva, yang dibina pada abad ke-12. Di sekeliling kubu ini terdapat Summer Mosque, Dewan Takhta dan The Harem (bilik keluarga pemerintah Khiva).
- **Tash Khovli Palace**: Dikenali dengan gelaran "Rumah Batu" kerana pembinaannya padat dengan seramik biru dengan ukiran dan corak yang rumit. Dibina pada tahun 1832-1841 oleh **Allakuli Khan**.
- Masa bebas untuk membeli-belah anyaman, pakaian dan tenunan yang terdapat di sepanjang jalan utama di dalam **Old Wall Khiva**.

Bermalam di **Khiva**.

HARI 03 KHIVA - BUKHARA SP/MT/MM

Bergerak ke bandar **Bukhara**.

- Dalam perjalanan ke Bukhara akan melalui **Kizilkum Desert** dan menikmati pemandangan **Amu Darya River**.

Bermalam di **Bukhara**.

HARI 04 BUKHARA SP/MT/MM

Lawatan di **Bukhara**:

- **Ark of Bukhara**: Kota pertahanan dan kediaman rasmi diraja yang masyhur di dalam Laluan Sutera yang dibina abad ke-4 lagi oleh Putera Parsi Siyavusha dan terdapat istana, pasar, muzium dan **Arsian Khan Mosque** dibina pada 1119.
- Menziarahi kompleks makam diraja **Samanid Mausoleum** yang dibina seawal kurun ke 10 dan juga **Chashma Nabi Ayub** yang dibina pada abad ke-12 untuk melindungi telaga Nabi Ayub di dalamnya.
- Menziarahi **Bolo Haouz Mosque** yang dibina sebegitu indah pada tahun 1712.
- **Lyabi-Khauz Ensemble**: Merupakan sebuah kawasan yang terdiri dari 3 buah bangunan utama iaitu Kukeldash Madrasah dibina pada 1568, Nadir Divan-Begi Madrasah pada 1619 dan Nadir Divan-Begi Khanqah (yang merupakan tempat berkumpul ahli sufi) pada 1622.
- **Poi Kalan Complex**: Sebuah dataran ikonik dan bersejarah di kota ini kerana dibina sejak tahun 1121 lagi, yang menempatkan 3 buah bahagian utama iaitu Kalan Mosque, Kalan Minaret dan Miri Arab Madrasah.
- Masa bebas untuk membeli-belah di sekitar kawasan **Old Town Bukhara**.

Bermalam di **Bukhara**.

HARI 05 BUKHARA - GIJDUVAN - SAMARKAND SP/MT/MM

Bergerak ke bandar **Gijduvan**:

- **Bahoutdin Architectural Complex**: Kompleks ini pada mulanya dibina selepas kematian Bahouddin Naqshband dan menjadi tempat ziarah selama bertahun-tahun. Nama penuh Bahouddin Naqshband ialah Ibn Burhoniddin Muhammad Al-Bukhori. Beliau juga dikenali sebagai "Shohi Naqshband" dan "Xojayi Buzruk." Beliau juga diiktiraf sebagai ahli Sufi ke-7.

- **Gijduvan School of Ceramics**: Melihat pembuatan barang seramik Gijduvan yang cukup terkenal dengan ukiran bentuk geometri berwarna hijau dan biru.

Bermalam di **Samarkand**.

HARI 06 SAMARKAND - TASHKENT SP/MT/MM

- **Registan Square**: Merupakan dataran yang paling ikonik mewakili negara ini dan kawasan terpenting bagi kota kuno Samarkand yang berusia sama tua dengan kota Rome dan Babylon. Dataran ini menempatkan 3 buah bangunan iaitu **Ulugh Beg Madrasah** yang dibina pada 1417, **Sher-Dor Madrasah** yang dibina pada 1619 dan Tilya-Kori Madrasah pada tahun 1646, selain di sini terdapat juga **Mausoleum of Shaybanids**.
- **Shah-i-Zinda Ensemble**: Sebuah kota yang merangkumi kediaman, pemakaman dan masjid untuk keluarga diraja Dinasti Timurid yang dibina sedari abad ke-11 lagi. Makam pertama yang terdapat di sini dikatakan milik saudara Rasulullah SAW, Kusam ibn Abbas yang datang ke kota ini pada abad ke-7 bagi menyebarkan agama Islam.
- Menziarahi **Bibi-Khanyim Mosque** yang dianggap sebagai khazanah terpenting di Samarkand dan salah satu masjid yang tercantik di dunia yang dibina pada 1404.
- Masa bebas untuk membeli-belah di **Siab Bazaar** yang terkenal dengan pelbagai jenis kacang dan buah-buahan kering yang terletak berhampiran dengan **Bibi-Khanyim Mosque**.
- **Amir Temur Mausoleum**: Makam Timur, juga dikenali sebagai Gur-e-Amir, ialah makam penakluk Turco-Mongol Timur (Tamerlane). Makam ini menandakan tempat peristirahatan terakhir Timur, anak-anak lelakinya, dan cucu-cucunya.

Menaiki keretapi dari **Samarkand** ke **Tashkent**.

Lawatan di **Tashkent**:

- Bersiar-siar sekitar **Tashkent City Park** pada waktu malam untuk menikmati pertunjukan fountain show, LED show Hotel Hilton dan berfoto di taman yang penuh dengan tarikan lampu-lampu.

Bermalam di **Tashkent**.

HARI 07 TASHKENT - CHIMGAN MOUNTAINS SP/MT/MM

Lawatan di **Tashkent**:

- Menikmati pemandangan panorama dan berfoto kawasan pergunungan bertasik **Chimgan Mountains** yang cukup indah dan paling terkenal di sini.
- Menaiki cable car menuju ke puncak **Beldersay Peak** yang setinggi 3309m dan berfoto di sekitar kawasan tasik **Charvak Lake** yang terbentuk dari Chirchiq River.
- Berfoto dan bersiar-siar di **Independence Square** yang dibina sebagai simbol kemerdekaan Uzbekistan, di mana di dataran ini terdapat beberapa monumen seperti **Independence Monument**, **Happy Mother Monument** dan lain-lain.

Menaiki penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.

HARI 08 KUALA LUMPUR

Tiba di Kuala Lumpur.

PERTUKARAN MATA WANG



UZBEKISTANI SOM
UZS 1000 = RM 0.30



PERBEZAAN WAKTU

Uzbekistan: GMT+5 Malaysia: GMT+8



Muslm Panas:

Jun - Ogos



Muslm Luruh:

Sept - Oktober



Muslm Sejuk:

Disember - Feb



Muslm Bunga:

Mac - Mei



TOUR HIGHLIGHTS

1.



ARK OF BUKHARA:

Kota pertahanan dan kediaman rasmi diraja yang masyhur dan terdapat istana, pasar, muzium dan Arslan Khan Mosque yang dibina pada 1119

2.



REGISTAN SQUARE:

dataran yang paling ikonik mewakili negara ini dan kawasan terpenting bagi kota kuno Samarkand yang berusia sama tua dengan kota Rome dan Babylon.

3.



SIAB BAZAAR:

Masa bebas untuk membeli-belah di Siab Bazaar yang terkenal dengan pelbagai jenis kacang dan buah-buahan kering yang terletak berhampiran dengan Bibi-Khanyim Mosque ini.

4.



AMIR TEMUR:

Makam Timur, juga dikenali sebagai Gur-e-Amir, ialah makam penakluk Turco-Mongol Timur (Tamerlane). Makam ini menandakan tempat peristirahatan terakhir Timur, anak-anak lelaki, dan cucu-cucunya.

Hotel Penginapan 3* Hotel

BANDAR	BIL. MALAM
Khiva	2 Mlm
Tashkent	1 Mlm
Samarkand	2 Mlm
Bukhara	1 Mlm

Jadual Penerbangan



HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	HY 554	KUL - TAS	1100	1600
1	HY 057	TAS - KUL	2305	0935+1
7	HY 553	TAS - UGC	2040	2210

Harga Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Tiket penerbangan domestik Tashkent - Urgench kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Tiket keretapi Samarkand - Tashkent.
- Pass menaiki cable car di Chimgan Mountains.
- Penginapan hotel 6 malam bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.

Harga Pakej Tak Termasuk

- Travel & Covid-19 Insurans - Hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans yang sesuai.
- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain selain dari yang dinyatakan di dalam aturcara dan pakej termasuk.